

07/07/2004

Elak cabaran dendam (HL)

By Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Sistem kuota dalam pencalonan pemilihan Umno yang diluluskan pada Perhimpunan Agung Khas 28 Oktober 1988, bertujuan mengelak ahli parti mencabar Presiden semata-mata kerana dendam atau bagi memalukannya.

Bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohamed Rahmat menjelaskan, jawatan Presiden yang secara tradisinya turut menjadi Perdana Menteri, tidak harus dicabar kerana ia bukan saja boleh menghancurkan Umno malah melemahkan kerajaan secara keseluruhannya.

Beliau, yang terbabit dalam merangka sistem kuota itu berkata, Presiden Umno keempat, Allahyarham Tun Hussein Onn pernah dicabar oleh Allahyarham Suleiman Palestin yang cuma mendapat satu pencalonan ketika itu.

"Cabaran itu tidak serius dan saya fikir bukan Allahyarham Suleiman hendak sangat jadi Presiden tetapi nak memalukan Perdana Menteri ketika itu.

"Jadi untuk tunjuk Perdana Menteri tak dapat sokongan penuh, maka dilawannya walaupun tahu dia akan kalah. Apakah Presiden Umno yang juga Perdana Menteri perlu dimalukan seperti itu," katanya kepada Berita Harian semalam.

Beliau mengulas ura-ura kononnya Ketua Umno Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah akan mencabar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti itu September ini.

Tengku Razaleigh tidak menyatakan secara khusus jawatan tertinggi yang mahu ditandinginya tetapi kalangan pemerhati percaya beliau berhajat untuk bertanding jawatan nombor satu dalam Umno.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh yang pernah mencabar Tun Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden pada 1987 itu, memerlukan 30 peratus pencalonan atau sokongan 58 daripada 191 bahagian Umno bagi melepasi syarat mengikut sistem kuota.

Ahli Parlimen Gua Musang itu juga baru-baru ini menggesa supaya sistem kuota pencalonan itu dimansuhkan dengan alasan bagi memastikan proses pemilihan dapat diadakan secara telus dan demokratik.

Mohamed, ketika ditanya mengenai perkara itu, menasihatkan Tengku Razaleigh melupakan niat bertanding jawatan Presiden, sebaliknya memainkan peranan sebagai pemimpin veteran dengan memberi bimbingan kepada golongan muda dalam Umno.

"Saya kenal Ku Li, saya sayang dia. Beliau ada sumbangan kepada parti dan kerajaan. Saya harap Ku Li fikir panjanglah. Saya mahu beliau menjadi seorang negarawan yang baik, supaya dia juga boleh memberi pandangannya untuk kebaikan.

"Saya harap, dia tak payah lawan Pak Lah. Masa kita sudah berlalu dan orang tak nak tukar dah pemimpin yang ada sekarang.

"Sokonglah Pak Lah. Beri Pak Lah kekuatan supaya beliau boleh buat kerja yang lebih banyak lagi untuk kita semua. Zaman Ku Li sudah berlalu dan tak payah dengar hasutan orang," katanya.

Beliau yang juga bekas Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) berkata, masalah sekarang ialah ramai ahli parti sudah lupa sejarah Umno diharamkan pada 1987 akibat keghairahan sebilangan ahli.

"Orang muda dalam Umno harus belajar daripada peristiwa itu dan setiap bahagian harus hanya mencalonkan Abdullah untuk jawatan Presiden dan Datuk Seri Najib Razak bagi jawatan Timbalan Presiden," katanya.

Mohamed berkata, apa yang penting sekali ialah mengesahkan kedua-dua pemimpin itu ke jawatan berkenaan.

"Berilah Pak Lah peluang. Saya nak tanya, apa salah Pak Lah? Atau apa kesalahan besar Pak Lah sehingga perlu dicabar? Dr Mahathir hanya diterima oleh orang Umno selepas 10 tahun memimpin dan Pak Lah baru saja beberapa bulan, berilah peluang kepada beliau.

"Kalau hanya nak lepas geram, jangan macam dulu pada 1987, hancur Umno sampai dibatalkan pendaftaran. Apakah kita nak peristiwa ini berulang? Jika Umno mati, kuasa Melayu hilang," katanya.

(END)